

22 JUN 1999

MAHATHIR-PELABUR

LAPORAN SILAP SEKAT PELABUR ASING, KATA PM

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Kebanyakan pelabur-pelabur asing terlepas peluang pelaburan menguntungkan di Malaysia berikutan maklumat yang silap dan diputar belit yang diterima oleh mereka menerusi laporan media, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata sejak September tahun lalu, apabila laporan menyeleweng mengenai Malaysia disebarkan oleh media, indeks pasaran saham Malaysia meningkat hampir 200 peratus.

"Ini bermakna pelabur-pelabur yang datang pada awal akan dapat membuat perolehan modal yang lebih besar. Tetapi mereka tidak melakukannya kerana maklumat yang diputar belit yang diterima oleh mereka menerusi media," katanya dalam ucapan pembukaannya di mesyuarat agung tahunan Worldwide Partners' 1999, di sini, hari ini.

Worldwide adalah rangkaian agensi periklanan bebas dan diurus pemilik yang terbesar.

Dr Mahathir mengucapkan terimakasih kepada Worldwide kerana membantu agensi rakan kongsinya, di sini, ISCB (Integrated Strategic Communications Bullseye), untuk mengendalikan kempen antarabangsa "Malaysia: Peningkatan bagi Pantulan Semula" tahun lalu dalam usaha membendung kemerosotan keyakinan terhadap keupayaan Malaysia untuk pulih semula.

Beliau berkata sebagai seorang doktor perubatan, beliau tidak meragui walau sedikitpun terhadap keupayaan Malaysia dan Asia untuk pulih semula daripada wabak yang dipanggil "selesema Asia".

"Dan saya mahu menyatakan bahawa Malaysia kini sedang bangkit semula dengan keadaan yang sangat kukuh."

Mengenai periklanan, beliau berkata ia pastinya sangat perlu bagi pertumbuhan pesat dalam sesebuah ekonomi.

Ketika industri periklanan di kebanyakan negara adalah dikawal selia sendiri, "keuntungan cepat tidak boleh menjadi matlamat utama bagi pengawal seliaan," kata Dr Mahathir.

"Secara ringkasnya, periklanan serta kebebasan akhbar, di mana kedua-duanya adalah bahagian penting dalam industri komunikasi, berada di pelbagai tahap pembangunan di negara yang berbeza dan ia memerlukan beberapa pengawasan atau panduan sendiri atau dalam sesetengah hal yang dibenarkan oleh orang ramai," katanya.

Dr Mahathir berkata pembekal-pembekal berita dan janji-janji yang dibuat menerusi periklanan tidak jauh berbeza daripada pembekal barangan dan perkhidmatan.

Mereka mestilah berhati-hati terhadap apa yang diperkenalkan oleh mereka dan tidak mengelirukan pengguna, katanya.

"Hari ini, tanggungjawab produk adalah sesuatu yang diambil serius oleh kita semua," tambah Perdana Mnetrei.

Beliau menyebut satu contoh di mana Cessna menamatkan pengeluaran pesawat berenjin satu kerana sebarang kerosakan dalam pesawat itu dikesan walaupun selepas 20 tahun penggunaannya masih boleh mengakibatkan syarikat itu dipersalahkan atau disaman.

"Tetapi apabila agensi berita menjual laporan berita mereka kepada pelanggan-pelanggan dan pembaca, adakah mereka bertanggungjawab sepenuhnya terhadap produk yang dijual oleh mereka,?" soalnya.

"Jika berita mereka yang telah diputar belit dan tidak tepat itu mengakibatkan kerugian ataupun kesilapan dalam membuat sesuatu keputusan, adakah agensi berita ataupun media bertanggungjawab bagi produk mereka,

iaitu berita yang disiarkan oleh mereka kepada orang ramai iaitu pelanggan mereka,?"

Dr Mahathir berkata: "Kita kini hidup di abad di mana pengguna sudah celik huruf dan berpendidikan. Kita tidak boleh memperdayakan mereka. Oleh itu kita mestilah lebih berhati-hati terhadap apa yang kita buat atau apa yang kita cakap."

Sementara itu, pengerusi Worldwide Partners Inc yang berpangkalan di Amerika Syarikat, Michael D. Gallivan memberitahu pemberita bahawa pada mulanya mereka bimbang untuk mengadakan mesyuarat di sini berikutan laporan tentang rusuhan dan demonstrasi di rantau ini.

Bagaimanapun, beliau berkata organisasi itu telah menghantar seorang wakil untuk memerhati keadaan di sini dan memperolehi maklum balas yang positif.

Dengan demikian mereka meneruskan keputusan untuk mengadakan mesyuarat di sini, katanya.

Worldwide Partners, yang dibentuk pada 1938, mempunyai agensi rakan kongsi di 90 negara.

-- BERNAMA

SHO ZK